



UUM
Universiti Utara Malaysia



LAPORAN AKHIR

GERAN PERUNDINGAN PROGRAM KOMUNITI KELUARGA ANGKAT

● KOD SO: P - 58/671 ●

OBJEKTIF


PERUNDINGAN

- 1. Memupuk hubungan silaturahim dalam kalangan staf, mahasiswa UUM dengan masyarakat sekitar Mukim Siong di daerah Baling.**
- 2. Memberi peluang kepada pihak akademik IBS UUM untuk menyelami permasalahan masyarakat sekitar Mukim Siong serta dapat memberi input atau jalan penyelesaian secara bersama.**
- 3. Menyediakan kepakaran ilmu dan pengetahuan berkenaan literasi kewangan dan asas perancangan kewangan Islam yang diperlukan kepada masyarakat sekitar Baling**
- 4. Menjalinkan hubungan strategik bersama industri dan komuniti Baling serta dapat mengeratkan ukhwah bersama.**



LOKASI PERUNDINGAN

MUKIM SIONG, BALING, KEDAH DARUL AMAN



Mukim Siong dipilih bagi Program Literasi Kewangan Islam adalah salah satu usaha Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS) dalam meningkatkan pengetahuan dan kesedaran masyarakat luar bandar berkenaan kewangan Islam. Ini juga merupakan program komuniti IBS dalam berkongsi ilmu kewangan Islam di kalangan pela jar sekolah rendah, guru dan juga ibu bapa. Daerah Baling juga merupakan Daerah Angkat bagi IBS

PROGRAM 1:

PROGRAM KOMUNITI SMART SOLAT & CELIK KEWANGAN



PROGRAM KOMUNITI
PEMINDAHAN ILMU

PROGRAM SMART SOLAT & LITERASI KEWANGAN



15 JULAI 2023

9.30 PAGI -12 TGHRI

KG. ORANG ASLI ULU LEGONG, ✓
BALING KEDAH

Amali Wuduk & Solat
(7-17 tahun)

LAIN-LAIN AKTIVITI MENARIK

✓
Pertandingan Mewarna
(4-6 tahun)

✓
Sembang Literasi
Kewangan &
Kesedaran Halal
(Ibu Bapa)

✓
Cabutan Bertuah !



JAMUAN
TENGAHARI
DISEDIAKAN

ANJURAN



Pusat Pengajian Perniagaan Islam
ISLAMIC BUSINESS SCHOOL
كلية إدارة الأعمال الإسلامية
Universiti Utara Malaysia

DENGAN KERJASAMA



TINGKATAN ENAM
SEK MEN KEB AGAMA
KEDAH



4 QUALITY
EDUCATION



3 GOOD HEALTH
AND WELL-BEING



Aktiviti



SEMASA PROGRAM



PROGRAM 2:

PROGRAM KARNIVAL CELIK KEWANGAN ISLAM

BUCKS & BUDS 2024



ANJURAN:



Pusat Pengajian Perniagaan Islam
ISLAMIC BUSINESS SCHOOL
كلية إدارة الأعمال الإسلامية
Universiti Utara Malaysia

STF

SOCIAL TAKAFUL FUND

DENGAN KERJASAMA:



POSTER PROGRAM



Program ini juga dilaksanakan bagi mengisi program cuti sekolah pelajar di sekitar mukim Siong. Ia juga dapat membantu memberikan semangat kepada para pelajar bagi memulakan sesi persekolah baru 2024



BOOTH PAMERAN



Beberapa agensi telah menyertai program ini bagi memeriahkan dan memberikan maklumat secara terperinci kepada waris dan guru-guru. Komuniti di sekitar siong dapat membuka akaun simpanan untuk Anak-anak tanpa perlu ke kaunter. Tabung haji turut menawarkan pembukaan akaun baru dengan serendah RM2.

Lembaga Zakat Negeri Kedah



Tabung Haji



Jabatan Kebajikan Masyarakat



SSPN



AKTIVITI CELIK KEWANGAN PELAJAR

Slot 1: Ice Breaking – Dr Abrar

Slot 2: SGL - Simpan Labur Guna!

Slot 3: Apa nak buat ni?



AKTIVITI CELIK KEWANGAN PELAJAR

Slot 1: Ice Breaking – Dr Abrar

Slot 2: SGL - Simpan Labur Guna!

Slot 3: Apa nak buat ni?





AKTIVITI BERSAMA WARIS & GURU





KUIZ CELIK KEWANGAN ISLAM



PROGRAM 3:

PROGRAM KOMUNITI IBS-STF MASUK KAMPUNG 2024

KELUARGA ANGKAT



ANJURAN:



Pusat Pengajian Perniagaan Islam
ISLAMIC BUSINESS SCHOOL
كلية إدارة الأعمال الإسلامية
Universiti Utara Malaysia

STF

SOCIAL TAKAFUL FUND

DENGAN KERJASAMA:

STF MASUK SEKOLAH!

Program pertama bagi Program Komuniti IBS-STF Masuk Kampung dimulakan dengan program bersama pelajar tingkatan 4 daripada Sekolah Menengah SMK Siong, Baling Kedah. Beberapa aktiviti telah dijalankan bersama pelajar-pelajar yang menekankan elemen literasi kewangan Islam. Ini termasuklah kesedaran simpanan pelaburan dan takaful. Selain daripada itu, terdapat juga aktiviti pembelajaran berasaskan permainan yang telah dijalankan oleh pelajar IBS sebagai salah satu tugas kelas SULAM. Rata-rata pelajar berpuas hati dengan program yang telah dijalankan dan pihak sekolah berharap agar program seumpama ini dapat dijalankan lagi pada masa hadapan.



SLOT 2: MAJLIS SERAHAN ANAK ANGKAT

Slot 2 bagi Program Komuniti IBS-STF Masuk Kampung diteruskan lagi dengan program serahan keluarga angkat kepada pelajar yang terlibat.

Seramai 19 keluarga yang terlibat dalam aktiviti ini yang mana melibatkan keluarga di sekitar Kg. Luar Mukim Siong Baling Kedah.

Semua peserta pelajar daripada UUM yang terlibat sebagai anak angkat merasa teruja kerana dapat merasai kehidupan di kampung dengan ukhwah yang terjalin.

Pelajar turut berkongsi berkenaan literasi kewangan dengan keluarga angkat masing-masing bagi mencapai objektif Program komuniti kali ini.





SLOT 3 - 5: JUMAAT 21 JUN 2024



Hari kedua program 21 Jun 2024 diteruskan dengan beberapa aktiviti telah disusun termasuklah aktiviti gotong royong Masjid Saadah Kg Luar, aktiviti tanam pokok di sekitar kampung Luar dan aktiviti demo sembelihan halal ayam kampung.

Setiap pelajar dibahagikan mengikut kumpulan aktiviti masing-masing. Pelajar terlibat, pensyarah dan orang kampung menunjukkan komitmen yang penuh dalam menjayakan program pada pagi tersebut.

Sebanyak 12 pokok kelapa dan 20 anak pokok cempedak berjaya ditanam dan sebagai simbolik hubungan antara IBS dan Komuniti Kg Luar Baling. Semua aktiviti bermula pada 8,30 pagi dan berakhir sehingga 12.00 tengahari.



SLOT 6: PROGRAM LITERASI KEWANGAN SEKOLAH HIJRAH

Dalam usaha meningkatkan kesedaran literasi kewangan Islam, program jelajah sekolah turut beres di Sekolah Rendah Hijrah untuk sesi seterusnya.





SUKAN RAKYAT



FUTURE PLAN

Lorem ipsum dolor sit amet, consectetur adipiscing elit, sed do eiusmod tempor incididunt ut labore et dolore magna aliqua. Ut enim ad minim veniam, quis nostrud exercitation ullamco laboris nisi ut aliquip ex ea commodo consequat. Duis aute irure dolor in reprehenderit in voluptate velit esse cillum dolore eu fugiat nulla pariatur. Ut enim ad minim veniam, quis nostrud exercitation ullamco laboris. Lorem ipsum dolor sit amet, consectetur adipiscing elit, sed do eiusmod tempor incididunt ut labore et dolore magna aliqua.





FORUM PERDANA



FORUM PERDANA “BAHAGIA DUNIA BAHAGIA AKHIRAT”

Program ini diadakan pada 21 Jun 2024 (Jumaat) bertempat di Masjid Darus Sa'adah, Kg Luar Mukim Siong. Program ini bermula jam 9.00 dan berakhir 10.30 malam. Antara panel yang dijemput adalah Dr. Razli Ramli, Pensyarah Kanan UTM, Prof. Madya Dr. Muhammad Nasri Md Hussain, Naib Canselor UNISHAM dan Ust Shahier Sa'min, Ketua Bahagian Syariah YAPEIM. Manakala moderator program adalah Dr. Muhammad Naim Abd Halim, Pensyarah Kanan IBS. Program dihadiri hampir 100 orang penduduk Kampung Mukim Siong Baling. Antara intipati ceramah adalah menekankan tentang persediaan kehidupan akhirat melalui peraturan ibadah hidup di dunia.



FESTIVAL LITERASI KEWANGAN ISLAM

Segmen “Festival Literasi Kewangan Islam” menampilkan pelbagai aktiviti menarik dan interaktif seperti perbincangan, bengkel, aktiviti penulisan, permainan pendidikan, serta pembentangan dan pameran. Aktiviti-aktiviti ini berjaya menarik minat pelajar dan memberikan pengalaman pembelajaran yang menyeluruh dan menyeronokkan dalam literasi kewangan Islam, menggalakkan mereka untuk lebih berminat dalam pengurusan kewangan berlandaskan prinsip Islam.





KENDURI RAKYAT



Kenduri rakyat antara penduduk kampung dan juga staf IBS telah berjalan dengan jayanya. Kenduri ini bermula dengan sembelihan seekor lembu pada awal pagi dan seterusnya proses melapah sehinggalah ke aktiviti memasak.

Pelbagai juadah disediakan di sepanjang aktiviti kenduri rakyat seperti membakar leman, gulai kawah, kerabu perut lembu, ikan pekasam, aiskrim, kuih muih, puding dan juga beranika jenis air untuk orang ramai.



PROGRAM 4:

PROGRAM KOMUNITI KEM KECEMERLANGAN SPM & CELIK KEWANGAN

2024



ANJURAN:



Pusat Pengajian Perniagaan Islam
ISLAMIC BUSINESS SCHOOL
كلية إدارة الأعمال الإسلامية
Universiti Utara Malaysia

STF

SOCIAL TAKAFUL FUND

DENGAN KERJASAMA:



SLOT TEKNIK MENJAWAB

TEKNIK MENJAWAB BAHASA MELAYU



- Slot ke-2 merupakan Teknik Menjawab Bahasa Melayu telah disampaikan oleh guru jemputan khas.
- Dengan suasana baru yang berbeza daripada sekolah mereka, para pelajar sangat teruja mendengar dan memberi sepenuh tumpuan terhadap penerangan yang diberikan.



TEKNIK MENJAWAB MATEMATIK

- Pada sebelah malam, aktiviti diteruskan dengan Slot ke-4 iaitu Teknik Menjawab Matematik.
- Pelajar didedahkan dengan kaedah mengingat formula penting dalam matematik serta teknik memahami soalan dan kaedah menjawab soalan peperiksaan.
- Para pelajar juga diberi tip bagi mengurus masa sewaktu menjawab soalan peperiksaan agar mereka dapat menjawab semua soalan peperiksaan dalam tempoh yang diberikan.
- Kaedah aktiviti dalam kumpulan sewaktu pelaksanaan slot ini meningkatkan semangat serta keseronokan mereka belajar walaupun hari pertama program dipenuhi dengan pelbagai aktiviti sejak daripada pagi hingga ke malam.



SLOT TEKNIK MENJAWAB

TEKNIK MENJAWAB BAHASA INGGERIS



Pada hari kedua program, di Slot 5, para pelajar diberi peluang untuk menghadiri Slot Teknik Menjawab Bahasa Inggeris. Guru jemputan memulakan sesi dengan memperkenalkan strategi menjawab soalan, termasuk cara pengurusan masa efektif dan memahami kehendak soalan. Pelajar diberi penerangan jelas tentang format peperiksaan dan kriteria yang dinilai oleh pemeriksa.

TEKNIK MENJAWAB SEJARAH

Pada Slot 6, Teknik Menjawab Sejarah diadakan bagi membantu para pelajar meningkatkan kemahiran menjawab soalan bagi subjek Sejarah. Sesi ini menampilkan guru jemputan yang berpengalaman luas dalam subjek Sejarah. Tujuan slot ini adalah untuk memberi panduan dan tips kepada pelajar dalam mendepani peperiksaan, dengan fokus kepada strategi menjawab soalan yang efektif. Sesi ini telah berjaya memberikan impak positif, antaranya motivasi pelajar meningkat setelah didedahkan cara menjawab soalan yang lebih mudah difahami dan berkesan. Kaedah interaktif yang digunakan menjadikan sesi ini lebih menyeronokkan dan membolehkan pelajar memahami dan mengingati teknik yang diajar dengan lebih baik.



LAWATAN AKADEMIK KE PUSAT SAINS & MENARA ALOR SETAR



Lawatan akademik merupakan salah satu slot yang diadakan dalam Kem Motivasi Kecemerlangan SPM dan Celik Kewangan Islam. Dalam sesi lawatan tersebut, para pelajar telah di bawa ke Pusat Sains dan Menara Alor Setar. Lawatan akademik tersebut dilaksanakan adalah bertujuan memperkukuhkan pemahaman pelajar dalam sains dan teknologi melalui pembelajaran interaktif. Selain itu, Ia juga memupuk kreativiti dan inovasi, membantu pelajar berfikir secara kritis. Pengalaman ini membantu mengasah kemahiran berfikir kritis yang amat penting dalam menghadapi peperiksaan seperti SPM

MENARA ALOR SETAR

Pelajar turut didedahkan kepada pengetahuan umum mengenai sejarah dan perkembangan tempatan, terutama melalui lawatan ke Menara Alor Setar yang menjadi simbol kemajuan. Lawatan tersebut bukan sahaja memberi pelajar peluang untuk mengenali sejarah dan kepentingan bangunan tersebut, tetapi juga meningkatkan kesedaran mereka terhadap budaya dan perkembangan bandar Alor Setar.

